## بَاب مِنَ الْإِيمَانِ أَنْ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

**Bab 7 : Di Antara Iman ialah seseorang itu suka untuk saudaranya apa yang disukai untuk dirinya.**

١٢ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسٍ رضي الله عنهم عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَنْ حُسَيْنٍ الْمُعَلِّمِ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسٍ ﴿عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ﴾

12- Musaddad telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Yahya telah meriwayatkan kepada kami dari Syu`bah dari Qataadah dari Anas r.a dari Nabi SAW, dan dari Husain al-Mu`allim, katanya, Qataadah telah meriwayatkan kepada kami dari Anas dari Nabi SAW, sabda baginda: "Tidak beriman seseorang dari kamu selagi dia tidak menyukai untuk saudaranya apa yang disukai untuk dirinya. 15/7/06

## بَاب حُبُّ الرَّسُولِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْإِيمَانِ

**Bab 8 : Cintakan Rasul SAW Sebahagian Daripada Iman**

١٣ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنهم ﴿أَنَّ رَسُولَ اللهِ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ﴾

13- Abu al-Yaman telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu`aib telah memberitahu kami, katanya, Abu al-Zinad telah meriwayatkan kepada kami dari al-A`raj dari Abi Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Demi tuhan yang nyawaku berada ditangannya tidaklah beriman seseorang dari kamu sehingga aku lebih dikasihinya daripada ayahnya dan anaknya.

١٤ - حدثنا يعقوب بن إبراهيم قال حدثنا ابن علية عن عبد العزيز بن صهيب عن أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم ح وحدثنا آدم قال حدثنا شعبة عن قتادة عن أنس قال قال النبي صلى الله عليه وسلم ﴿ لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من والده وولده والناس أجمعين ﴾

14- Ya`qub bin Ibrahim telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibnu `Uyainah telah meriwayatkan kepada kami dari `Abdul `Aziz bin Shuhaib dari Anas dari Rasulullah SAW, dan Adam bin Abi Iyaas meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu`bah telah meriwayatkan kepada kami dari Qataadah dari Anas, katanya, Nabi SAW bersabda: "Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga aku lebih dikasihinya daripada ayahnya, anaknya dan manusia sekelian."

## باب حلاوة الإيمان

## Bab 9 : Kemanisan Iman

١٥ - حدثنا محمد بن المثنى قال حدثنا عبد الوهاب الثقفي قال حدثنا أيوب عن أبي قلابة عن أنس بن مالك رضي الله عنهم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال ﴿ ثلاث من كن فيه وجد حلاوة الإيمان أن يكون الله ورسوله أحب إليه مما سواهما وأن يحب المرء لا يحبه إلا لله وأن يكره أن يعود في الكفر كما يكره أن يقذف في النار ﴾

15- Muhammad bin al-Mutsanna telah meriwayatkan kepada kami, katanya, `Abdul Wahhaab al-Tsaqafi telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ayyub telah meriwayatkan kepada kami dari Abi Qilaabah dari Anas bin Malik r.a, dari Nabi SAW, Baginda bersabda: "Tiga perkara, sesiapa yang ada padanya tiga perkara itu niscaya dia akan mendapati kemanisan iman. (Pertama) Allah dan Rasulnya lebih disayanginya daripada sesuatu selain keduanya dan (Kedua) dia mengasihi seseorang, tidak dikasihinya orang itu melainkan kerana Allah, dan (Ketiga) dia tidak suka kembali kepada kekufuran sepertimana dia tidak suka (dirinya) dicampakkan ke dalam api."

## بَابٌ عَلَامَةُ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ

## Bab 10 : Cintakan Ansar Adalah Tanda Iman

١٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَبْرٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا ﴿ عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ وَآيَةُ النِّفَاقِ بُغْضُ الْأَنْصَارِ ﴾

16- Abu al-Walid telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu`aib telah meriwayatkan kepada kami, katanya, `Abdullah bin `Abdillah bin Jabr telah memberitahu saya, katanya, saya telah mendengar Anas (meriwayatkan) dari Nabi SAW, sabda Baginda: "Cintakan Anshar adalah tanda iman dan bencikan Anshar adalah tanda nifaq (kemunafiqan) ".

## بَاب

## Bab 11 :

١٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِدْرِيسَ عَائِذُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ﴿ أَنَّ عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ رضي الله عنهم وَكَانَ شَهِدَ بَدْرًا وَهُوَ أَحَدُ النُّقَبَاءِ لَيْلَةَ الْعَقَبَةِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ بَايِعُونِي عَلَى أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرِقُوا وَلَا تَزْنُوا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ وَلَا تَأْتُوا بِبُهْتَانٍ تَفْتَرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَتَرَهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عَاقَبَهُ فَبَايَعْنَاهُ عَلَى ذَلِكَ ﴾

17- Abu al-Yamaan telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu`aib telah memberitahu kepada kami dari al-Zuhri, katanya, Abu Idris `Aa'izullah bin `Abdillah telah memberitahu saya bahawa `Ubaadah bin as-Shamit r.a - Beliau telah ikut serta dalam peperangan Badar dan beliau adalah salah seorang Naqib di malam `Aqabah- (meriwayatkan) sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda ketika mana sekumpulan para

sahabat berada di sekelilingnya, (kata Baginda): "Berbai`ahlah kamu kepadaku bahawa sesungguhnya kamu tidak akan menyekutukan sesuatu dengan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anakmu, tidak akan mengada-agadakan sesuatu secara dusta dengan penuh kesedaran dan tidak akan menderhakai (pemimpin kamu) dalam perkara ma`ruf. Sesiapa di antara kamu menyempurnakan janji itu maka pahalanya dijamin Allah dan sesiapa yang melanggar sesuatu daripada apa yang dijanjikannya itu lalu dia dihukum di dunia ini, maka hukuman itu merupakan kafarah kepadanya. Sebaliknya sesiapa yang melanggar mana-mana janji tersebut kemudian Allah menyembunyikannya, terserahlah kepada Allah kedudukannya samaada dia (Allah) akan mengampunkannya atau akan menyeksanya." Lalu kami pun berbaiah kepada Baginda SAW atas perkara-perkara itu.

بَابٌ مِنَ الدِّينِ الْفِرَارُ مِنَ الْفِتَنِ

## Bab 12 : Sebahagian Daripada (Ajaran) Agama Ialah Lari Daripada Pelbagai Fitnah.

١٨ - حَدَّثَنَا عَبْدُاللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَبْدِالرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِاللَّهِ بْنِ عَبْدِالرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعْصَعَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنهم أَنَّهُ قَالَ ﴿ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوشِكُ أَنْ يَكُونَ خَيْرَ مَالِ الْمُسْلِمِ غَنَمٌ يَتْبَعُ بِهَا شَعَفَ الْجِبَالِ وَمَوَاقِعَ الْقَطْرِ يَفِرُّ بِدِينِهِ مِنَ الْفِتَنِ ﴾

18- Abdullah bin Maslamah telah meriwayatkan kepada kami dari Malik dari `Abdir Rahman bin `Abdillah bin `Abdir Rahman bin Abi Sha`sha`ah dari ayahnya dari Abi Sa`id al-Khudri r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Tidak lama lagi akan tibalah masanya di mana sebaik-baik harta seorang Muslim ialah kambing yang dibawanya ke puncak gunung dan ke kawasan-kawasan tadahan hujan, dia lari demi agamanya daripada pelbagai fitnah".